

# Aparteid: Sumbangan Malaysia disanjung

01 MAY 1994

*Dr. M. Overseas trips.*

**J**OHANNESBURG 30 April - Parti Kongres Afrika Selatan (ANC) pimpinan Nelson Mandela hari ini menyatakan setinggi penghargaan ke atas sumbangan besar Malaysia dalam membantu perjuangan menentang apartheid sehingga dasar itu berjaya dihapuskan.

Pemimpinnya, Nelson Mandela yang dijangka menjadi presiden kulit hitam pertama Afrika Selatan beberapa hari lagi berkata, Malaysia adalah sebuah negara yang begitu istimewa bagi ANC.

Menurutnya, dari segi bantuan, Malaysia satu-satunya negara yang memberikan lebih daripada apa yang diminta oleh ANC.

Mandela menyatakan demikian kepada para pemberita selepas menerima kunjungan singkat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Dalam kunjungan tersebut, Dr. Mahathir mengadakan pertemuan hampir dua jam dengan Mandela dan membincangkan pelbagai perkara termasuk senario pilihanraya Afrika Selatan, yang kini dalam proses pengiraan kertas undi.

Perdana Menteri juga dijadualkan menemui Presiden F.W. de Klerk petang ini.

Mandela seterusnya berkata, kunjungan Dr. Mahathir benar-benar memberi makna besar kepada beliau dan ANC yang begitu menghargai sokongan dan sumbangan Malaysia selama ini.

Beliau percaya, kerajaan baru Afrika Selatan nanti boleh belajar banyak dari Malaysia khususnya dalam bidang diplomatik.

Ini, katanya kerana pengalaman Malaysia yang banyak dan unik dalam lapangan tersebut, di samping Malaysia merupakan negara pelbagai kaum, yang menyamai Afrika Selatan.

Mandela juga mengimbas lawatannya ke Malaysia pada Oktober 1991 dan menurutnya, beliau begitu terharu dengan sambutan yang diterima, menggambarkan komitmen Malaysia begitu tinggi dalam membantu perjuangan menentang apartheid.

Dr. Mahathir yang berada di sisi Mandela ketika itu pula berkata, kunjungan beliau ke atas pemimpin ANC itu adalah bersifat peribadi dan tiada kaitan dengan politik negara tersebut, yang kini dalam proses peralihan kuasa minoriti kulit putih kepada majoriti kulit hitam.

Sepanjang pertemuan, kedua-dua pemimpin kelihatan mesra.

Turut mengiring Dr. Mahathir ialah bekas Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafei, yang kini berada di Johannesburg menyertai kumpulan pemerhati Komanwel dan berapa pegawai kanan Wisma Putra.

Kunjungan Dr. Mahathir ke atas Mandela ini juga menandakan hubungan akrab antara kerajaan Malaysia dan

ANC, yang dijangka menjadi parti induk di bawah kerajaan baru yang akan dibentuk selepas ini.

Malaysia selama ini

merupakan negara yang menentang kuat dasar apartheid sejak awal tahun 1960-an dan tidak mempunyai jalinan diplomatik

untuk sekian lamanya dengan Afrika Selatan sehinggalah pada tahun 1992. — *Utusan.*